



## UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM)

### KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang telah berdaftar dengan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) di bawah bidang yang berkaitan dan pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa bagi tawaran seperti berikut: -

No ruj. & Tajuk Tender	Kelayakan/ Taraf /Jenis Tender	Tarikh Taklimat/ Lawatan Tapak	Tarikh Tutup/ No. Peti Tender	Harga Dokumen Tender
<b>TENDER BAGI UPNM(PB)02.13/03/10/2023 – KERJA - KERJA MENAIK TARAF SISTEM PENYEMBUR AUTOMATIK DI BANGUNAN BESTARI DAN PEMASANGAN SISTEM AMARAN KEBAKARAN JENIS PENGESAN HABA DAN ASAP DI UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA.</b>	Berdaftar  <b>CIDB G4</b> Kategori ME Pengkhususan <b>M02, M15</b>  Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) CIDB  Dan  PKK Sijil Taraf Bumiputera	Diwajibkan iaitu berkumpul di Dewan Pendekar UPNM pada 24 Mei 2023 (Rabu) jam 9.30 pagi (yang telah berdaftar dengan UPNM sahaja)	19 Jun 2023 (Isnin) pada atau sebelum pukul 12.00 tengahari  Peti Tender No. 4	RM 100.00 (Tidak akan dikembalikan)

Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontrak (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak. Kontraktor/ Syarikat tidak boleh mewakili pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK.

Dokumen tender boleh disemak dan dibeli pada 24 Mei 2023 (selepas menghadiri lawatan tapak) di Seksyen Perolehan, Pejabat Bendahari, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dengan bayaran sebanyak RM100.00 (Ringgit Malaysia: Seratus Ringgit Sahaja) dalam bentuk Tunai/ Bank Draft dibayar atas nama Bendahari, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (yang tidak akan dikembalikan). Waktu untuk membeli dokumen tawaran adalah seperti di bawah :-

Isnin-Khamis	:	8.00 pagi	hingga	01.00 tengah hari
		2.00 petang	hingga	3.00 petang
Jumaat	:	8.00 pagi	hingga	11.30 tengah hari

Kontraktor dikehendaki membawa dan mengemukakan Sijil Asal Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) iaitu Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) beserta salinan sijil-sijil tersebut yang tidak akan dikembalikan semasa Pendaftaran Lawatan Tapak.

Dokumen tender yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di Pejabat Bendahari, Aras 1, Bangunan Canselori, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kem Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur pada atau sebelum pukul 12.00 tengah hari pada tarikh yang dinyatakan di atas. Tawaran yang lewat tidak akan dipertimbangkan.

Bagi sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut, berkenaan sebut harga tersebut, sila hubungi (8.30 pagi hingga 04.00 petang) Encik Che Mohd Nizam Bin Che Mohd Yusoff di talian 03-90513400 ext-3012 emel [chenizam@upnm.edu.my](mailto:chenizam@upnm.edu.my) dan Cik Nuramalina binti Sulaiman di talian (03 – 90513400 Samb 7621097) emel [n.amalina@upnm.edu.my](mailto:n.amalina@upnm.edu.my) untuk maklumat berkaitan penjualan dokumen.

Iklan ini dipaparkan di web <https://myprocurement.treasury.gov.my/> dan <http://bendahari.upnm.edu.my/>